

**Blogger Umno tarik balik artikel penafian RM2.67 bilion disalur ke akaun Najib**  
**The Malaysian Insider**  
**July 8, 2015**

Blogger pro Umno, MYKMU menarik kembali artikel yang memetik sumber berhubung pengarah SRC International Nik Faisal Ariff Kamal menafikan wang sebanyak RM2.67 bilion disalurkan dalam akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Menurut MYKMU, penarikan kembali artikel bertajuk "Eksklusif Nik Faisal dakwa ia bukan akaun Najib Razak" adalah kerana permintaan beberapa pihak termasuk sumber rapat dengan pengarah syarikat SRC International.

"Atas permintaan beberapa pihak termasuk sumber rapat dengan Nik Faisal sendiri kami menarik balik artikel sebelum sehingga siasatan 'task force' selesai, harap maklum," kata MYKMU merujuk kepada pasukan petugas khas.

Siasatan pasukan petugas khas dimulakan susulan pendedahan The Wall Street Journal (WSJ) dan Sarawak Report mengenai berbilion ringgit yang disalurkan ke dalam akaun peribadi milik Najib.

Sebelum ini, Sarawak Report melaporkan RM42 juta dimasukkan ke akaun Najib dari SRC International Sdn Bhd, syarikat milik Kementerian Kewangan yang mengambil pinjaman RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP.

Memetik sumber tersebut, Nik Faisal dikatakan menafikan urusan yang membabitkan syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Nik Faisal kelihatan kecewa dan marah kerana perniagaan beliau, SRC International dilibatkan dalam pergaduhan politik Najib Razak-Tun Mahathir.

"Ini semua akaun saya dan SRC tiada kena mengena dengan perdana menteri mahupun 1MDB," kata sumber seperti dilaporkan MYKMU sebelum ditarik balik.

Menurut MYKMU sebelum ini, SRC International sudah keluar daripada 1MDB sejak 2012 dan perniagaan mereka selepas itu adalah kepentingan perniagaan tersendiri.

Sumber memberitahu MYKMU, pengarah syarikat terbabit akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membocorkan suratnya kepada Ambank dan akaun kepada umum. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/blogger-umno-tarik-balik-artikel-src-international-nafi-rm2.67-bilion-disal>